

24 FEB 1999

Samy-Tol

KERAJAAN RUNDING SEMULA KADAR TOL PLUS

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Kerajaan sedang mengadakan rundingan semula dengan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Bhd) berhubung perjanjian konsesi antara kedua-dua pihak, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata rundingan itu bertujuan antara lain memanjangkan tempoh konsesi dan menetapkan supaya kenaikan kadar tol hanya dibuat setiap lima tahun, bukan setiap tahun seperti sekarang.

Rundingan itu juga bertujuan menetapkan agar tiada kenaikan kadar tol selepas tahun 2016, kata beliau pada persidangan media di pejabatnya di sini.

"Buat masa ini, rundingan ini hanya melibatkan PLUS Bhd kerana ia syarikat terbesar dan lebuhrayanya digunakan oleh sebilangan besar daripada kalangan ramai orang," katanya.

Menurut Samy Vellu, kerajaan sedang mengkaji dengan serius perjanjian konsesi itu dan telah mendapatkan persetujuan PLUS bagi merunding semula perjanjian baru.

Rundingan itu turut membabitkan Kementerian Kewangan selain Kementerian Kerja Raya, katanya.

Beliau turut mengumumkan kadar baru tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan yang diluluskan oleh kabinet bulan lepas dan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah, Lebuhraya Shah Alam dan Lebuhraya Butterworth-Kulim yang diluluskan hari ini.

Kadar baru tersebut merupakan kenaikan antara enam dan 30 peratus.

Beliau berkata pengguna hanya membayar 28 peratus lebih daripada kadar biasa jika kenaikan dibuat sekali dalam lima tahun berbanding 36 peratus jika kenaikan dibuat setiap tahun.

Kenaikan tol di empat lebuhraya itu berkuatkuasa 1 Mac. Penurunan kadar tol dari RM1.50 kepada RM1 di Lebuhraya Damansara-Puchong seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan lepas, juga bermula pada tarikh yang sama.

Menyentuh tentang tempoh konsesi baru yang akan dirundingkan, Samy berkata kerajaan ada menimbangkan suatu tempoh waktu tertentu tetapi beliau enggan mengumumkannya kerana ia melibatkan tempoh bayaran balik pinjaman bank oleh Plus yang kini diberi konsesi 30 tahun.

Perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dengan UEM (M) Bhd pada Mac 1988 memperuntukkan kenaikan kadar tol sebanyak enam peratus setahun mulai 1 Jan, 1997.

Katanya, rundingan perjanjian baru itu akan mengambil sedikit masa kerana ia melibatkan "ringgit dan sen", sambil menambah kata bahawa kerajaan dan PLUS akan mendapat faedah daripadanya.

Beliau juga berkata melalui perjanjian baru itu nanti, PLUS tidak akan dibenarkan menaikkan kadar tol jika sejumlah kenderaan tertentu menggunakan lebuhrayanya atau ia mendapat kadar keuntungan tertentu.

Katanya, pemegang konsesi baru tidak dibenarkan menaikkan kadar tol setiap tahun, misalnya kenaikan seterusnya di LDP ialah pada tahun 2007 dan 2015.

Samy juga berkata kerajaan terpaksa membayar pampasan sebanyak RM199.71 juta atau 52.49 peratus kepada pemegang konsesi kerana tidak membenarkan kadar kenaikan tol seperti yang diminta pemegang-pemegang konsesi itu.

"Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap kedudukan kewangan semua pengguna dan oleh yang demikian, telah menetapkan kadar tol

yang berpatutan dan tidak membebankan," katanya.

Katanya, kerajaan membayar RM87 juta kepada Plus, RM6.38 juta kepada Expressway Lingkaran Tengah Sdn Bhd (Elite), RM13.6 juta kepada Malaysia-Thailand Development untuk Lebuhraya Gombak-Karak, RM7.75 juta untuk Jambatan Pulau Pinang dan RM85 juta untuk Lebuhraya Damansara-Puchong.

Samy berkata jika kenaikan tol tidak dibenarkan langsung, kerajaan perlu membayar pampasan sejumlah RM286.3 juta setiap tahun iaitu RM145 juta kepada Plus, RM12.43 juta kepada Elite, RM18.83 juta kepada Kesas (Lebuhraya Shah Alam) dan Lebuhraya Butterworth Kulim (RM3.78 juta).

Kadar tol baru di Plus dan Elite ialah 11.24 sen sekilometer atau kenaikan 0.74 sen sekilometer bagi kenderaan kelas satu (kereta) manakala tol dinaikkan 10 sen di Tol Plaza Batu Tiga dan Sungai Rasa, masing-masing 80 sen kepada 90 sen dan 70 sen kepada 80 sen.

Bagi Lebuhraya Shah Alam, kadar baru bagi kereta ialah RM1.20 berbanding RM1 sekarang. Untuk Lebuhraya Butterworth-Kulim, kadar tol di Plaza Tol Kubang Semang ialah RM1.10 (80 sen kadar lama) dan RM1 (80 sen) di Plaza Tol Lunas.

Ditanya mengapa kerajaan membenarkan kenaikan penuh seperti yang diminta pemegang konsesi Lebuhraya Shah Alam dan Lebuhraya Butterworth-Kulim, Samy berkata kedua-dua lebuhraya itu mengamalkan sistem kutipan terbuka dan mengenakan kadar seragam.

Pengguna jalan raya masih boleh menggunakan jalan alternatif jika mereka tidak mahu membayar tol, katanya.

"Kerajaan akan terus membelanjakan wang bagi meningkatkan taraf Jalan Persekutuan. Kita jangkakan dalam masa 10 tahun, jumlah trafik akan meningkat dengan banyak," kata beliau.

Mengenai protes terhadap kenaikan tol, Samy berkata jumlah yang mengadakan bantahan berkurangan dan ia lebih melibatkan pihak pembangkang sedangkan ahli perniagaan dan pengusaha terus menggunakan lebuhraya.

Kadar tol baru berkuatkuasa 1 Mac

1. Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah

Kadar sekarang .Kadar Baru

Kelas 1 10.6 sen sekilometre 11.24 sen sekilometre

Kelas 2 15.9 sen 16.85 sen

kelas 3 21.2 sen 22.47 sen

Kelas 4 3. 75 sen (5.3 sen di Elite) 5.62 sen

Kelas 5 7.95 sen 8.43 sen

2. Lebuhraya Shah Alam

Kelas 1 RM1 RM1.20

Kelas 2 RM1.50 sen RM1.80

Kelas 3 RM2 RM2.40

Kelas 4 50 sen 60 sen

Kelas 5 80 sen 90 sen

3. Lebuhraya Butterworth-Kulim - Plaza Tol Kubang-Semang

Kelas 1 80 sen RM1.10 sen

Kelas 2 RM1.60 sen RM2.20

Kelas 3 RM2.40 RM3.30

Kelas 4 40 sen 55 sen

Kelas 5 80 sen RM1.10 sen

4. Lebuhraya Butterworth-Kulim - Plaza Tol Lunas

Kelas 1 80 sen RM1

Kelas 2 RM1.60 RM2
Kelas 3 RM2.40 RM3
Kelas 4 40 sen 50 sen
Kelas 5 80 sen RM1
-- BERNAMA
AR NMO